

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD



KERATAN AKHBAR / *NEWSPAPER CLIPPING*

AKHBAR (<i>Newspaper</i>)	:	Berita Harian			
TARIKH (<i>Date</i>)	:	29/6/2017	MUKA SURAT (<i>Page</i>)	:	V8-v9
NO. PANGGILAN (<i>Call No.</i>)	:	2017/06-059	NO. ITEM (<i>Item Number</i>)	:	56506



Nuansa

EDITOR BERSEKUTU (RENCANA): HUSAIN JAHIT

TEL : 1-300-22-6787 SAMB: 4791

FAKS : 03-20567083/7084



TERATAK SEMAI

Hartini Mohd Nawi
hartini@hmetro.com.my

Laluan kecil hanya memuatkan sebuah motosikal atau pejalan kaki saja membuatkan perjalanan ke perkampungan Orang Asli yang majoritinya didiami suku Semai ini memberikan 1,001 pengalaman buat penulis dan jurugambar.

Hasrat ingin meninjau keadaan sebenar Projek Teratak Semai yang dilaksanakan di Kampung Batu 17, Tapah, Perak itu selepas liputan mengenainya sudah dikeluarkan Harian Metro

April lalu.

Projek Teratak Semai membabitkan teknik baru konsep pembinaan kediaman sendiri (self-build housing) dikongsi antara kepakaran moden dan pertukangan tradisional.

Bertemankan Ketua Projek, Projek Teratak Semai Prof Madya Dr Meor Mohammed Fared Meor Razali dan penyelidik Projek Teratak Semai Dr Wan Srihani Wan Mohamed di Fakulti Rekabentuk & Senibina, Universiti Putra Malaysia (UPM), kami berempat membonceng motosikal komuniti suku Semai itu.

> 4,5&6

FOTO MUHAIZAN YAHAYA

KEHIDUPAN
suku Semai
yang jauh dari
kesibukan
kota dan
kemodenan.



Pembinaan
berasaskan
sumber hutan

BERTEDUH LEBIH SELESA

FOKUS

DARI MUKA 1

Sebaik sampai ke kawasan empangan Tenaga Nasional Berhad iaitu lokasi terakhir yang boleh dilalui kenderaan empat roda, sekumpulan komuniti Orang Asli sudah sedia menunggu untuk membawa kami ke perkampungan mereka.

Fasih berbahasa Melayu membuatkan komunikasi antara kami lebih lancar dan mudah.

Hampir setengah jam menelusuri laluan sempit dan curam, penunggang motosikal yang kami bonceng nyata berpengalaman kerana sering menumpangkan sesiapa saja yang ingin ke kampung mereka.

"Inilah satu-satunya laluan keluar masuk ke kampung kami.

"Membawa sesiapa saja yang ingin ke kampung kami atau kadang-kadang membawa keluar hasil hutan seperti durian atau petai untuk dijual di luar sana (bandar).

"Alternatif lain, kena jalan kaki tapi mengambil masa kira-kira dua jam untuk sampai ke tempat kami," kata Ramli Bang, 50, kepada penulis.

Bukan saja cerunan yang dilalui, malah sesekali motosikal terpaksa diperlahankan dek merentasi titi sempit anak sungai atau membelok kerana mengelak batu besar di tepi jalan.

"Perjalanan ini sukar bagi orang baru, namun tidak bagi kami kerana setiap urusan membabitkan dunia



ANTARA Projek Teratak Semai yang dibina berasaskan anyaman bertam.



SALAH satu kediaman Teratak Semai yang memperlihatkan ruang dalaman luas.

MATERIAL pembinaan kediaman berasaskan sumber alam.



luar hanya menggunakan jalan ini," katanya.

Pengalaman bagaikan menaiki 'roller coaster' itu akhirnya menemukan penulis dengan beberapa komuniti suku Semai di Kampung Batu 17 yang di dalamnya terdapat beberapa lagi kampung kecil.

Kampung LZ Sekam atau dikatakan merujuk kepada 'landing zone' untuk helikopter jika berlaku kecemasan, adalah kampung paling akhir menempatkan komuniti suku itu.

Kunjungan kami begitu dialu-alukan penduduk sekitar apatah lagi mereka sering berurusan dengan Prof Madya Dr Meor Mohammed Fared dan Dr Wan Srihani sejak projek Teratak Semai dalam perancangan.

"Sebenarnya tempat tinggal kami masih jauh ke dalam tapi sejak 1990-an kami mula berpindah ke sini.

"Dalam sebuah rumah biasanya ada lapan hingga sembilan keluarga," kata wakil tok batin, Ebal Babu yang mengakui selesa berada di perkampungan itu biarpun jauh dari arus kemodenan.

Ketika berada di pekarangan sebuah kediaman Teratak Semai milik Baduk Bang, 52, material termasuk buluh dan

kayu yang diketengahkan membuatkan kaedah pembinaannya masih berinspirasi alam sekitar digabungkan dengan kepakaran moden.

"Kediaman ini lebih kukuh, selesa dan membuatkan kami gembira apabila ia dibina berasaskan sumber hutan yang berada di kawasan ini," kata Baduk. Berada di Kampung Pos Sekam, sebuah kediaman Teratak Semai berasaskan anyaman bertam nyata mencuri perhatian ditambah dengan kedudukannya berhampiran jalan masuk.

Mesra menyapa kami, pemiliknya Bahdik Bahlih, 47, mengakui berada di kediaman itu membuatkan beliau lebih selesa berbanding kediaman sebelum ini.

"Kami gembira dengan kediaman ini," katanya yang menjadikan hobi menangkap rama-rama dan menjualkannya kepada 'tauke' dari Cameron Highlands sebagai sumber pendapatan tambahan.

Seharian berada di beberapa perkampungan dalam Kampung Batu 17 itu, akhirnya kami berempat berangkat pulang. Sekali lagi laluan penuh cabaran ditempuh.

Sesekali Ramli berhenti dan memaklumkan kepada penulis berkenaan pokok hutan unik di tepi jalan itu.



ANTARA Teratak Semai yang tampil dengan seni bina unik.

DR Meor Mohammed Fared (kiri) dan Dr Wan Srihani bertanyakan perkembangan Teratak Semai milik Baduk.



PROJEK Teratak Semai turut membangunkan tapak kediaman yang lebih kukuh.



UNIKNYA Teratak Semai apabila ia dibina mengikut keperluan dan cita rasa penghuninya.



BULUH juga salah satu material pembinaan kediaman.

RUMAH KUKUH, TAHAN LAMA

Pembinaan dilakukan 22 sukarelawan dan 10 staf Fakulti Rekabentuk dan Senibina UPM

FOTO MUHAIZAN YAHYA

Hartini Mohd Nawi
hartini@hmetro.com.my

Projek Teratak Semai antara teknik baru pembinaan kediaman untuk meningkatkan keselesaan dan kukuh didiami.

Ilmu seni bina menerusi konsep pembinaan kediaman sendiri (self-build housing) itu dikongsi antara kepakaran moden dan pertukangan tradisional.

Sementara kemahiran pertukangan tradisional pula berpeluang dipelajari sukarelawan yang bersama-sama membina kediaman menarik itu.

Di situ terletaknya keunikan Projek Teratak Semai buat komuniti Orang Asli di Tapah, Perak dengan Jabatan Senibina, Fakulti Rekabentuk & Senibina, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ia turut membabitkan usaha sama antara UPM, Pejabat ADUN Chenderiang

dan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) selain diperkukuhkan lagi kolaborasi dengan institusi, masyarakat serta individu tertentu.

Memulakan projek pembinaan empat unit kediaman komuniti Orang Asli di Kampung Batu 16 pada Januari 2015, ia kemudian berjaya disiapkan dan diserahkan pada Julai tahun yang sama.

Kos pembinaan kira-kira RM30,000 ditanggung sepenuhnya MMA. Sementara syarikat Lhoist (M) Sdn Bhd juga turut menyumbang simen bagi memudahkan pembinaan.


Seramai 22 sukarelawan terdiri daripada siswa, alumni seni bina dan 10 staf Fakulti Rekabentuk dan Senibina UPM bergotongroyong mereka bentuk, membina kediaman serta surau Kampung Batu 16 berkenaan.

Dalam memberikan




TEKNIK baru pembinaan kediaman untuk meningkatkan keselesaan dan kukuh didiami.

TEKNIK anyaman bertam yang diketengahkan untuk dinding kediaman.



BAHDIK BAHLIH, 47, selesai mendiami Teratak Semai itu.



ENDELA juga dilengkapi anyaman bertam.

gambaran lebih jelas, penulis dan jurugambar dibawa ke perkampungan Orang Asli di Kampung Batu 17 yang rata-ratanya didiami suku Semai, baru-baru ini.

Menurut Ketua Projek, Projek Teratak Semai Prof Madya Dr Meor Mohammed Fared Meor Razali, keutamaan projek itu adalah untuk memberi impak dari segi pengetahuan dalam pembinaan asas kediaman yang lebih kukuh selain memastikan ia lebih selesa, selamat dan kekal lebih lama.

“Projek ini secara tidak langsung memupuk semangat berilmu berbakti dalam kalangan staf, siswa dan alumni UPM.

“Menerusinya mereka dapat berbakti kepada masyarakat yang sangat memerlukan.

“Gabungan teknik pembinaan yang baru dan tradisional dapat menghasilkan seni bina lebih kukuh, praktikal dan mesra alam,” kata Dr Meor Mohammad Fared.

Sementara itu, penyelidik Projek Teratak Semai Dr Wan Srihani

Wan Mohamed berkata konsep ‘self-build housing’ dapat membangunkan komuniti Orang Asli untuk lebih berdikari di samping berupaya menghasilkan kediaman dengan kos yang lebih ekonomi berbanding kaedah konvensional.

“Lebih membanggakan, Projek Teratak Semai 2.0 diteruskan dari Ogos hingga Disember 2015 apabila enam unit kediaman lagi dapat dibina di Kampung Batu 16.

“MMA sekali lagi menyumbang sebanyak RM30,000 untuk pembelian bahan binaan sementara Lhoist (M) Sdn Bhd pula menyumbang bekalan simen.

“Kemudian Projek Teratak Semai 3.0 diteruskan lagi di Kampung Batu 5, dengan enam unit kediaman juga dibina menggunakan teknik yang sama,” katanya.

Malah gabungan yang mantap antara Majlis Bandaraya Ipoh, staf, siswa dan alumni UPM itu turut berjaya menyiapkan semua unit kediaman itu dalam tempoh masa tiga minggu bermula Januari hingga 5 Februari 2016.